

## SIARAN MEDIA

**[Disiarkan selaras dengan Seksyen 40(3) Akta Persaingan 2010 (Akta 712)]**

### **MyCC KENAKAN PENALTI TERHADAP 8 PERUSAHAAN TERLIBAT KARTEL TIPUAN BIDA**

**KUALA LUMPUR, 28 FEBRUARI 2025** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), telah mengeluarkan Keputusan Pelanggaran terhadap lapan (8) perusahaan semalam iaitu pada 27 Februari 2025 kerana melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) dengan terlibat dalam kartel tipuan bida yang melibatkan dua (2) tender yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), iaitu CENTRAL SPINE ROAD; Pakej 3: Gua Musang Kelantan ke Kg Relong, Kuala Lipis Pahang Seksyen 3B dan 3C KM 180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang (TENDER CSR: 3B & 3C) dan CENTRAL SPINE ROAD; Pakej 3: Gua Musang Kelantan ke Kg Relong, Kuala Lipis Pahang Seksyen 3J Kampung Seberang Jelai ke Kg Relong (TENDER CSR: 3J) dan satu (1) tender di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) iaitu Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan (TENDER RTB: SG BULOH) yang dianggarkan bernilai sekitar RM474 juta pada tahun 2019.

Perusahaan yang terlibat dalam pelanggaran ini adalah seperti berikut:

<b>PERUSAHAAN</b>	<b>BIL. TENDER</b>	<b>MAKLUMAT TENDER</b>
Dutamesra Bina Sdn. Bhd.	3	<ul style="list-style-type: none"><li>• CSR 3B &amp; 3C</li><li>• CSR 3J</li><li>• RTB Sg Buloh</li></ul>
IDX Multi Resources Sdn. Bhd.	3	<ul style="list-style-type: none"><li>• CSR 3B &amp; 3C</li><li>• CSR 3J</li><li>• RTB Sg Buloh</li></ul>
Mangkubumi Sdn. Bhd.	3	<ul style="list-style-type: none"><li>• CSR 3B &amp; 3C</li><li>• CSR 3J</li><li>• RTB Sg Buloh</li></ul>
Menang Idaman Sdn. Bhd.	3	<ul style="list-style-type: none"><li>• CSR 3B &amp; 3C</li><li>• CSR 3J</li><li>• RTB Sg Buloh</li></ul>
Meranti Budiman Sdn. Bhd.	3	<ul style="list-style-type: none"><li>• CSR 3B &amp; 3C</li><li>• CSR 3J</li></ul>

		<ul style="list-style-type: none"><li>• RTB Sg Buloh</li></ul>
Pintas Utama Sdn. Bhd.	3	<ul style="list-style-type: none"><li>• CSR 3B &amp; 3C</li><li>• CSR 3J</li><li>• RTB Sg Buloh</li></ul>
NYL Corporation Sdn. Bhd.	2	<ul style="list-style-type: none"><li>• CSR 3B &amp; 3C</li><li>• CSR 3J</li></ul>
Kiara Kilat Sdn. Bhd.	1	<ul style="list-style-type: none"><li>• CSR 3B &amp; 3C</li></ul>

### **Garis Masa Penyiasatan, Representasi dan Keputusan**

MyCC telah memulakan penyiasatan rasmi susulan aduan mengenai tipuan bida dalam tender CSR: 3B & 3C dan CSR: 3J. Semasa penyiasatan terhadap kedua-dua tender ini, MyCC mendapati perusahaan yang sama juga terlibat dalam tipuan bida bagi tender RTB: SG BULOH. Dalam hal ini, MyCC telah menjalankan serbuan, mengumpul maklumat dan menjalankan analisis mendalam terhadap bukti-bukti yang berkaitan. Pada 22 April 2024, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap 8 perusahaan yang terlibat dan menerima representasi mereka. Setelah meneliti semua representasi yang dikemukakan, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Pelanggaran terhadap semua 8 perusahaan tersebut pada 27 Februari 2025.

### **Tingkah Laku Kartel oleh Perusahaan Terlibat**

Melalui penyiasatan yang dijalankan, MyCC mendapati bahawa modus operandi kumpulan kartel ini didalangi oleh Mangkubumi Sdn. Bhd. (Mangkubumi) dan operasi dijalankan secara berpusat di Pintas Utama Sdn. Bhd. (Pintas Utama). Malah, semasa serbuan dilakukan oleh MyCC, hampir semua bukti utama ditemui di premis Pintas Utama.

Penyiasatan mendapati bahawa percaturan untuk membida tender dilakukan melalui perkongsian maklumat melalui emel, mesyuarat dan penyediaan dokumen tender secara fizikal di premis Pintas Utama. Modus operandi ini digunakan oleh kumpulan kartel tersebut yang melibatkan ketiga-tiga projek.

MyCC juga mendapati bahawa selepas IDX Multi Resources Sdn. Bhd. (IDX Multi Resources) dianugerahkan projek Tender CSR: 3B & 3C, manakala Menang Idaman dianugerahkan projek Tender CSR: 3J, kedua-duanya telah subkontrak kedua-dua tender itu kepada Mangkubumi. Berdasarkan percaturan ini, Mangkubumi bertindak sebagai kontraktor

utama bagi pihak IDX Multi Resources dan Menang Idaman yang seterusnya telah subkontrak tender tersebut kepada sebuah lagi perusahaan iaitu YCH Sdn. Bhd. (YCH). Namun, bagi Tender RTB: SG BULOH, MyCC mendapati bahawa IDX Multi Resources, setelah dianugerahkan tender tersebut, telah subkontrak projek tersebut terus kepada YCH.

### **Penalti Kewangan**

Akta 712 membenarkan MyCC untuk mengenakan penalti kewangan tidak melebihi 10% pusing ganti seluruh dunia perusahaan yang terlibat. Berdasarkan pengiraan yang dibuat oleh MyCC, dengan mengambil kira faktor pemberatan dan mitigasi, (*aggravating and mitigating factor*) perusahaan-perusahaan yang terlibat telah dikenakan penalti kewangan sebanyak **RM92,876,078.90** seperti yang dinyatakan di bawah:

PERUSAHAAN	JUMLAH TENDER	PENALTI KEWANGAN
Dutamesra Bina Sdn. Bhd.	3	RM 6,627,658.75
IDX Multi Resources Sdn. Bhd.	3	RM 6,053,100.33
Mangkubumi Sdn. Bhd.	3	RM 21,860,697.39
Menang Idaman Sdn. Bhd.	3	RM 2,668,261.30
Meranti Budiman Sdn. Bhd.	3	RM 3,528,292.70
Pintas Utama Sdn. Bhd.	3	RM 48,635,588.42
NYL Corporation Sdn. Bhd.	2	RM 113,087.91
Kiara Kilat Sdn. Bhd.	1	RM 3,389,392.10

<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>RM 92,876,078.90</b>
---------------------	-------------------------

Dalam ucapan Belanjawan 2025 yang dibentangkan di Parlimen pada 18 Oktober 2024, kerajaan telah mengumumkan peruntukan tambahan kepada MyCC yang menjadikan bajet MyCC sebanyak RM27 juta dengan objektif memperkasakan MyCC dalam membanteras kartel di Malaysia. Selaras dengan mandat ini dan semangat Malaysia MADANI, MyCC bertekad untuk terus menghapuskan amalan kartel, khususnya tipuan bida yang merosakkan integriti perolehan awam.

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**

"Tipuan bida mengganggu proses perolehan lantas meningkatkan kos yang akhirnya membebankan rakyat dan juga kerajaan. Oleh itu, selain keputusan yang diumumkan hari ini, MyCC sedang giat menyiasat 13 kartel tipuan bida yang melibatkan 561 perusahaan berkaitan tender bernilai RM2.37 bilion. Pada masa yang sama, MyCC juga sedang menilai aduan yang membabitkan 463 perusahaan dalam tender bernilai RM9.27 bilion," kata Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail.

"Kartel merupakan kejahatan tertinggi di mata perundangan persaingan. Dalam usaha membanteras kartel tipuan bida ini, MyCC memuji dan menghargai kerjasama serta komitmen Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam berdiri teguh bersama kami menentang kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini. Kami menyeru kementerian dan agensi lain untuk mencontohi langkah ini. Sekiranya mereka mengesyaki terdapat elemen tipuan bida dalam proses tender mereka, kami menyeru agar mereka tampil ke hadapan dan bekerjasama dengan kami," tambah Iskandar lagi.

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Polisi dan Komunikasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: [pcd@mycc.gov.my](mailto:pcd@mycc.gov.my)

**Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan berkanun bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta 712), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

Sehingga kini MyCC telah beroperasi selama 14 tahun bermula 1 April 2011. Terkini MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 100 perusahaan berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM 662 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).